

ATURAN PENGGUNAAN :

PESGUARD® FG 161 ialah formulasi yang mengandungi 2 jenis racun serangga pyrethroid yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut. **Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.** Bagi kawalan serangga kesihatan awam:-

Jenis Serangga	Kawasan Sasaran	Cara	Kadar Racun		Isi Padu Semburan
			Setiap 1 Liter Air	Sehektar	
Nyamuk (<i>Aedes aegypti</i> , <i>Aedes albopictus</i> , <i>Culex quinquefasciatus</i> , <i>Anopheles spp.</i>)	Kawasan nyamuk tersembunyi, membiak dan sering berkeliaran seperti rumah kediaman, tapak pembinaan, kawasan industri, tempat penternakan, estet, kawasan terbiar, bangunan tinggi dan lain-lain.	Semburan ULV	80 ml *	40 ml	0.5 liter/ha
		Pengabutan terma	8 ml *	80 ml	10 liter/ha
			13 ml **	130 ml	
Lipas (<i>Blattella germanica</i> , <i>Periplaneta americana</i>)	Tempat lipas bersembunyi dan membiak seperti di rekahan dan sudut di ruang dapur, longkang dan lain-lain lagi.	Semburan sisa baki	12.5 ml	-	50 ml/m ²
Kumbang 'rove' (<i>Paederus fuscipes Curtis</i>)	Kawasan kumbang 'rove' tersembunyi, membiak dan sering berkeliaran seperti sawah padi, tepi tasik, tepi sungai, paya, dataran banjir, tempat basah dan lain-lain.	Semburan ULV	480 ml *	240 ml	0.5 liter/ha
		Pengabutan terma	24 ml *	240 ml	10 liter/ha

* Ia sesuai untuk dicairkan sama ada dengan air atau disel untuk semburan ULV dan pengabutan terma. Syorkan pencairan dengan air untuk semburan dalam rumah dan pencairan dengan disel untuk semburan di luar rumah.

** Pencairan dalam air untuk pengabutan terma pada kadar racun yang lebih tinggi dapat mengawal nyamuk dewasa dan jentik-jentik dalam satu kali semburan.



Tarikh Mengilang :

RACUN SERANGGA

PEKATAN TEREMULSI (EC)

**PESGUARD®
FG 161**

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA.

Perawis Aktif : d-tetramethrin 4.4 % w/w
cyphenothrin 13.2 % w/w
Perawis Lengai : 82.4 % w/w



Didaftarkan oleh



AGRICULTURAL CHEMICALS (M) SDN. BHD.
(008938-M)

農業化學(馬)有限公司

962, Lrg. Perusahaan 8, Taman Perindustrian Perai, 13600 Perai,
P. Pinang, Malaysia. Tel : 04-3907988 Telefax : 04-3905703

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi :
PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)
- 012-4609499 (lepas waktu pejabat)

BACA LABEL SEBELUM GUNA

Panduan Membancuh Sesuai untuk kegunaan kebanyakan mesin ULV, mesin pengabutan terma dan alat penyembur galas yang terdapat di pasaran. Untuk semua jenis alat penyembur, isikan tangki setengah penuh dengan air / disel, campurkan **PESGUARD® FG 161** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dan bancuh mengikut jadual sukatan. Jangan guna pada kadar yang lebih tinggi dari yang disyorkan. Pastikan alat penyembur ditentukur (Kalibrasi) terlebih dahulu sebelum menyembur.

Panduan Menyembur Lakukan semburan apabila kes penyakit bawaan vektor seperti demam panas yang tinggi telah dilaporkan. Untuk semburan sisa baki bagi pengawalan lipas, lakukan semburan selang 2-4 minggu sekali, jika tiada pembasuhan/pengelapan dibuat pada permukaan yang disembur. Ulangi semburan jika perlu. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **PESGUARD® FG 161** berselang-seli dengan racun serangga lain yang mempunyai cara tindakan yang berbeza.

AWAS a) Bahaya Kepada Manusia : Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena pada kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan basuh badan sebersih-bersihnya dengan sabun dan air. Tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci tangan dan alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya.

Pakaian dan Alat Perlindungan : Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpakaian termasuk sarung tangan, gogal, penutup muka dan alat pernafasan (respirator) supaya tidak terhidu kabus semburan.

b) Bahaya Pada Alam Sekitar : Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. Jangan cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA
JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN. TANAM BEKAS RACUN APABILA KOSONG.

TANDA KERACUNAN Gerakbalas yang lambat, kelumpuhan anggota, pefafasan yang lambat dan getaran otot.

RAWATAN KECEMASAN Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak. Jika tertelan, jangan ikhtikarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

RAWATAN PERUBATAN Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

MEDICAL TREATMENT Treatment is symptomatic.

தீங்கிழைப்பது

உணவுகள் மற்றும்

குழந்தைகளுக்கு அருகில் வைக்காதீர்

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN
DAN KANAK-KANAK

KELAS III

HARMFUL
KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF AND CHILDREN

有害品
勿貯藏靠近食品及
兒童易接觸的地方

coex / glass bottle = 29.0 cm x 15.0 cm